



**JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK  
KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 27 SEPTEMBER 2017 (RABU)**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Sabah yang berkelayakan dalam bidang yang berkenaan dan dengan tempoh sah laku untuk menyertai tender seperti berikut :-

Bil	Tajuk Tender / No.Tender / Kod Bidang	Tarikh, Masa dan Tempat Sesi Taklimat/ Lawatan Tapak	Tempat Dokumen Dijual semua dokumen tender dijual pada waktu pejabat	Tarikh Tutup Tender
1	Tender Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Makanan Kering Dan Diproses Serta Sayur Dan Buah Ke Jabatan Dietetik Dan Sajjian, Pusat Jantung Sarawak, Kota Samarahan Untuk Tempoh Dua (2) Tahun.  No. Tender: <b>JKNSWK/B/T17/PJS/(19)</b> Kod Bidang Pendaftaran: <b>040101 dan 040102</b>  Syarikat hendaklah bertaraf <b>BUMIPUTERA</b> .	Tarikh : <b>18.10.2017</b> (Rabu) Masa : 8.30 pagi Tempat : BILIK MESYUARAT, TINGKAT 3, PUSAT JANTUNG SARAWAK, KOTA SAMARAHAN.	Unit Perolehan, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik Off Jalan Bako, Petra Jaya, 93050 Kuching, SARAWAK.	<b>ISININ, 13 NOVEMBER 2017</b> pada jam 12.00 tengah hari.
2	Tender Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Bakar Minyak Diesel Ke Pusat Jantung Sarawak, Kota Samarahan Untuk Tempoh Dua (2) Tahun.  No. Tender: <b>JKNSWK/B/T17/PJS/(21)</b> Kod Bidang Pendaftaran: <b>060301</b>	Tarikh : <b>18.10.2017</b> (Rabu) Masa : 9.30 pagi Tempat : BILIK MESYUARAT, PENTADBIRAN AM, PUSAT JANTUNG SARAWAK, KOTA SAMARAHAN.		
3	Tender Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Bakar Minyak Diesel Ke Hospital Umum Sarawak Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.  No. Tender: <b>JKNSWK/B/T17/HUS/(22)</b> Kod Bidang Pendaftaran: <b>060301</b>	Tarikh : <b>19.10.2017</b> (Khamis) Masa : 9.00 pagi Tempat : BILIK MESYUARAT, UNIT PEROLEHAN, HOSPITAL UMUM SARAWAK, KUCHING.		
4	Pelawaan Semula Tender Pembekalan dan Penghantaran Bahan Bakar (Diesel, Petrol, Minyak Pelincir dan Silinder Gas) Ke Klinik-Klinik Kesihatan Di Bawah Seliaan Pejabat Kesihatan Bahagian Miri Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.  No. Tender: <b>JKNSWK/B/T17/MIRI/(23)</b> Kod Bidang Pendaftaran: <b>060301</b>	Tarikh : <b>20.10.2017</b> (Jumaat) Masa : 9.30 pagi Tempat : BILIK MESYUARAT KLINIK 1MALAYSIA, UTC,MIRI.		

Untuk tender Bil. 2,3 & 4 adalah **DIWAJIBKAN** Penama syarikat hadir ke sesi Taklimat Lawatan Tapak dan memiliki kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) **DAN** lesen borong yang berkaitan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1971 (CSA) berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) **dengan tempoh sah laku**. Sementara bagi tender Bil.4 lesen borong (CSA) untuk bekalan (Diesel, Petrol dan Minyak Pelincir) hendaklah berasingan dengan lesen borong (CSA) untuk bekalan (LPG atau silinder Gas) dan lesen operasi seluruh Sarawak/Malaysia.

Syarikat-Syarikat hendaklah menyerahkan Dokumen Tender pada atau sebelum tarikh tutup tender ke alamat di bawah :-

Pengerusi,  
Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak,  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak,  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga, 93592, Kuching,  
**SARAWAK.**

Harga bagi senaskah dokumen tender ialah RM50.00 hanya dibayar dalam bentuk Wang Pos atau Kiriman Wang Pos. Dokumen tender Bil. 4 hendaklah dibayar atas nama **PEGAWAI KESIHATAN BAHAGIAN MIRI** dan Dokumen tender Bil. 1,2 & 3 atas dibayar atas nama **PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK**.

WANG TUNAI/CEK TIDAK DITERIMA. PEMBEKAL-PEMBEKAL ATAU SYARIKAT-SYARIKAT YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER DIMINTA MENGEMUKAKAN **SALINAN SIJIL ASAL** YANG DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK **BERSERTA SALINAN FOTOSTAT** (TIDAK DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak tidak terikat untuk menerima harga tawaran yang terendah dan bagi tender Bil. 4 jabatan tidak terikat untuk menawarkan kepada satu syarikat sahaja bagi pembekalan semua item.

Pembekal-pembekal atau Syarikat-Syarikat hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

**PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK**